

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
[PERKARA KEBANKRAPAN NO: 29-4366-07-2012]**

ANTARA

PER: NG GEE YEONG

(NO. K/P: 660718-10-6685/A0442977)

... PENGHUTANG PENGHAKIMAN

DAN

***EX PARTE*: RHB BANK BERHAD**

(NO. SYARIKAT: 6171-M)

... PEMIUTANG PENGHAKIMAN

PENGHAKIMAN

(Rayuan Terhadap Perintah Penolong Kanan Pendaftar)

Lampiran 61

PENGENALAN

[1] (ni adalah rayuan Penghutang Penghakiman terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) yang telah menolak permohonan Penghutang Penghakiman untuk:

- (a) Petisyen Pemiutang Penghakiman bertarikh 20.03.2013 diketepikan;
- (b) prosiding Kebankrapan Pemiutang di bawah kebankrapan No: 29-4366-07-2012 dan segala prosiding atau pendengaran yang berkenaan ditangguhkan sehingga

pelupusan permohonan oleh Penghutang Penghakiman di bawah permohonan (a) di atas;

- (c) kos ditanggung oleh Pemiutang Penghakiman; dan
- (d) Iain-lain perintah lanjutan atau Iain-lain perintah yang difikirkan adil dan sesuai oleh Mahkamah.

[2] Di antara alasan-alasan permohonan di hadapan PKP adalah secara ringkasnya seperti berikut:

- (i) petisyen tersebut telah diteruskan dengan prosedur yang salah di sisi undang-undang;
- (ii) petisyen tidak boleh dihidupkan selepas 3 tahun 4 bulan sejak pemfailan Petisyen tersebut dan kelewatan adalah memudaratkan dan prejudis terhadap Penghutang Penghakiman;
- (iii) Pemiutang Penghakiman menyalahgunakan prosedur Mahkamah di mana ia adalah ketidakaturan (*“irregularity”*) yang *fatal* dan tidak dapat diperbaiki (*“incurable”*)]
- (iv) perintah penyampaian ganti adalah tidak betul di sisi undang- undang dan bersifat *mala fide* di mana Pemiutang Penghakiman tidak menyampaikan Petisyen tersebut kepada Penghutang Penghakiman secara sengaja;
- (v) hak Penghutang Penghakiman diprejudiskan; dan
- (vi) kepentingan keadilan dijejaskan.

[3] PKP teiah menolak permohonan tersebut. Justeru, rayuan kepada Hakim Dalam Kamar. Mahkamah ini setelah mendengar rayuan tersebut teiah menolak rayuan tersebut Ini adalah alasan saya.

HUJAHAN PEGUAM PENGHUTANG PENGHAKIMAN

[4] Peguam Penghutang Penghakiman berhujah bahawa:

- (i) Pemiutang Penghakiman adalah terlalu lewat dalam menguatkuasakan haknya. Kelewatan tersebut teiah memprejudiskan Penghutang Penghakiman;
- (ii) Penjelasan Pemiutang Penghakiman bahawa kelewatan terjadi kerana disebabkan oleh pertukaran peguam adalah tidak munasabah; dan
- (iii) Penghutang Penghakiman tidak memohon kebenaran untuk melaksanakan penghakiman melebihi enam (6) tahun seperti yang teiah diputuskan dalam kes *Dr Shamsul Bahar bin Abdul Kadir v. RHB Bank Bhd another appeal* [2015] 4 MLJ.

[5] Dokumen-dokumen yang dirujuk dalam permohonan ialah:

- (i) Notis Kebankrapan bertarikh 27.12.2012;
- (ii) Petisyen Pemiutang bertarikh 20.03.013;
- (iii) Saman Daiam Kamar yang difailkan oleh Penghutang Penghakiman pada 08.05.2013;
- (iv) Perintah penyampaian ganti bertarikh 09.05.2013;
- (v) Notis Rayuan Pemiutang Penghakiman bertarikh 07.03.2014;
- (vi) Perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 06.08.2014;
- (vii) Perintah Mahkamah Sesyen bertarikh 15.11.2017 di mana Pemiutang Penghakiman teiah diberi kebebasan untuk mengeiuarkan pelaksanaan terhadap Penghutang Penghakiman di bawah Penghakiman Ingkar Kehadiran bertarikh 19.04.2006;

- (viii) Saman Dalam Kamar yang difailkan oleh Penghutang Penghakiman pada 09.01.2018 (Lampiran 45);
- (ix) Afidavit Sokongan yang diikrarkan oleh Ng Gee Yeong pada 09.01.2018;
- (x) Afidavit Balasan yang diikrarkan oleh Nor Ashikin binti Sulaiman pada 27.02.2018;
- (xi) Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Ng Gee Yeong pada 16.03.2018;
- (xii) Keputusan Penolong Kanan Pendaftar bertarikh 09.07.2018; dan
- (xiii) Notis Rayuan Penghutang Penghakiman bertarikh 19.07.2018 (Lampiran 61);

LATAR BELAKANG FAKTA

- [6] Pemiutang Penghakiman adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dilesen untuk menjalani perniagaan bank *inter alia* di Level 10, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur dan mempunyai alamat pusat kutipan di Level 11, Capital Square Tower, No. 10, Jalan Munshi Abdullah, 52100 Kuala Lumpur.
- [7] Pada semua masa material, Penghutang Penghakiman adalah pelanggan Pemiutang Penghakiman.
- [8] Melalui satu Perjanjian Pinjaman bertarikh 29.07.1997, Pemiutang Penghakiman telah menawar dan Penghutang Penghakiman telah menerima satu pinjaman sebanyak RM 112,500.00 mengikut terma-terma yang terkandung di dalam Perjanjian tersebut. Atas kegagalan dan/atau keingkaran Penghutang Penghakiman untuk membayar ansuran bulanan

seperti yang dipersetujui dalam Perjanjian Pinjaman tersebut, Pemiutang Penghakiman telah mengambil tindakan sivil terhadap Penghutang Penghakiman dengan memfailkan saman pada 20.7.2005 di bawah Saman No. 2-52-17059-05. Pemiutang Penghakiman telah memperolehi Penghakiman Ingkar Kehadiran terhadap Penghutang Penghakiman pada 19.04.2006.

- [9] Pemiutang Penghakiman juga telah melaksanakan haknya sebagai pemegang serah hak di bawah Surat Ikatan Penyerahakkan bertarikh 29.07.1997 dengan melelongkan hartanah Penghutang Penghakiman bagi melangsaikan sebahagian jumlah keberhutangan Penghutang Penghakiman kepada Pemiutang Penghakiman. Pemiutang Penghakiman telah melelongkan hartanah Penghutang Penghakiman pada harga jualan RM65,610.00 pada 17.05.2007.
- [10] Oleh kerana hasil jualan tersebut tidak dapat menyelesaikan keseluruhan jumlah hutang Penghutang Penghakiman kepada Pemiutang Penghakiman, pada 27.12.2012 Pemiutang Penghakiman telah memulakan prosiding kebangkrapan terhadap Penghutang Penghakiman dengan memfailkan Notis Kebankrapan.
- [11] Saya menerima pakai kronologi peristiwa yang telah disenaraikan oleh peguam Pemiutang Penghakiman dengan modifikasi di mana perlu mengenai langkah-langkah berkaitan prosiding kebangkrapan seperti berikut:

TARIKH	PERISTIWA
20.03.2013	Petisyen Pemiutang telah difailkan terhadap Penghutang Penghakiman.

08.05.2013	• Penghutang Penghakiman telah memfailkan Saman Dalam Kamar untuk mengetepikan Petisyen Pemiutang tersebut.
24.02.2014	• Permohonan Penghutang Penghakiman telah dibenarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.
07.03.2014	• Pemiutang Penghakiman telah memfailkan Notis Rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar.
06.08.2014	• Rayuan Pemiutang Penghakiman telah dibenarkan oleh yang Arif Datuk Lau Bee Lan.

November 2016	• Fail bagi kes ini telah dipindahkan daripada Tetuan Azri, Lee Swee Seng & Co kepada Tetuan Che Mokhtar & Ling, peguamcara Pemiutang Penghakiman kini.
23.08.2017	• Peguamcara Pemiutang Penghakiman telah melalui surat bertarikh 23.08.2017 memohon kepada Mahkamah Tinggi Kebankrapan Kuala Lumpur supaya menetapkan satu tarikh pengurusan kes untuk Petisyen Pemiutang menurut Perintah bertarikh 06.08.2014. • Mahkamah Tinggi Kebankrapan telahpun menetapkan tarikh pendengaran masing-masing pada 08.11.2017, 29.11.2017, 20.12.2017 dan 10.01.2018.
	• Mahkamah Tinggi kebankrapan juga telah mengarahkan Pemiutang Penghakiman untuk memfailkan Notis Permohonan untuk Kebenaran Mengeluarkan Perlaksanaan untuk tujuan formaliti.

07.11.2017	• Pemiutang Penghakiman telah memfailkan Notis Permohonan untuk Kebenaran Mengeluarkan Pelaksanaan Penghakiman Ingkar kehadiran bertarikh 19.04.2016.
15.11.2017	• permohonan tersebut telah dibenarkan oleh Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur.
09.01.2018	• Penghutang Penghakiman telah memfailkan Saman Dalam Kamar (Lampiran 45) untuk mengetepikan Petisyen Pemiutang.
09.07.2018	• Permohonan Penghutang Penghakiman di Lampiran 45 telah ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar pada 09.07.2018 tanpa Perintah terhadap kos.

KEPUTUSAN

[12] Pemiutang Penghakiman telah memfailkan permohonan untuk notis kebangkrapan bertarikh 27.12.2012. Selanjutnya memfailkan petisyen pemiutang pada 20.03.2013 apabila Penghutang Penghakiman gagal membayar selepas notis kebangkrapan diserahkan.

[13] Pada 24.02.2014 Penghutang Pertghakiman telah memfailkan permohonan untuk mengetepikan petisyen pemiutang. Permohonan telah dibenarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar. Namun, atas rayuan kepada Hakim Dalam Kamar, rayuan telah

dibenarkan pada 06.08.2014. Walau bagaimanapun petisyen pemiutang ini tertangguh sehinggalah peguam baru Pemiutang Penghakiman mengambil alih kes pada sekitar November 2016. Tiada notis pengurusan kes selepas petisyen pemiutang dikembalikan dalam senarai sehinggalah pengurusan kes pada 08.11.2017. Walau apapun petisyen pemiutang tersebut adalah masih kekal sah apabila rayuan Pemiutang Penghakiman telah dibenarkan pada 06.08.2014.

- [14] Manakala tiada permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar. Oleh itu penghakiman yang dijadikan asas notis kebangkrapan tersebut adalah sah.
- [15] Pada 09.01.2018, sekali lagi Penghutang Penghakiman memohon untuk mengetepikan petisyen pemiutang atas alasan bahawa Mahkamah adalah terikat dengan kes *Dr Shamsul Bahar Abdul Kadir v. RHB Bhd & Another appeal* [2015] 4 MLJ 1 di mana kebenaran adalah diperlukan untuk melaksanakan penghakiman selepas enam tahun dari tarikh penghakiman diperolehi. Pada 09.07.2018, Penolong Kanan Pendaftar telah menolak permohonan tersebut. Keputusan tersebut yang kini menjadi subjek rayuan ini.
- [16] Saya berpendapat Keputusan Penolong Kanan Pendaftar adalah betul kerana petisyen pemiutang tersebut telah kembali kekal dalam senarai bicara apabila rayuan telah dibenarkan oleh Hakim Dalam Kamar pada 06.08.2014. Disamping itu sebagaimana telah diputuskan dalam
- [17] kes *Soh Poh Sheng v. Malayan Banking Bhd* [2017] 6 CLJ 348 di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa keputusan dalam kes *Dr Shamsul Bahar supra* adalah terpakai secara prospektif. Oleh itu kes *Dr Shamsul Bahar supra* tidak terpakai dalam kes di sini di mana permohonan untuk notis

kebankrapan dan petisyen pemiutang telah difailkan sebelum keputusan kes tersebut.

KESIMPULAN

[18] Berdasarkan alasan di atas rayuan Penghutang Penghakiman ditolak dan keputusan Penolong Kanan Pendaftar dikekalkan. Kos kepada Pemiutang Penghakiman sebanyak RM500.00. Petisyen dikembalikan kepada Penolong Kanan Pendaftar untuk perbicaraan petisyen.

Bertarikh: 23 MEI 2019

(HAS ZANAH MEHAT)

Hakim Mahkamah Tinggi Insolvensi
Kuala Lumpur

KAUNSEL:

Bagi pihak penghutang penghakiman/perayu - Tseng Seng Guan; T/n Lai & Associates

Bagi pihak pemiutang penghakiman/responden - Chong Poh Geok; T/n Che Mokhtar & Ling

Kes-kes yang dirujuk:

Dr Shamsul Bahar Abdul Kadir v. RHB Bhd & Another appeal [2015] 4 MLJ 1

Soh Poh Sheng v. Malayan Banking Bhd [2017] 6 CLJ 348